

Untuk Siaran Segera

**Panasonic memperkenalkan Plasma 150 inci terbesar dan 8.8 mm
Neo Plasma Ultra Nipis 50 inci di *Revolution 09 Roadshow***

*Pengunjung dapat menikmati perubahan besar teknologi plasma dan tawaran
istimewa untuk produk Panasonic di Revolution 09 Roadshow*

Petaling Jaya, 26 Mac 2009 – Panasonic Malaysia Sdn Bhd mempamerkan rangkaian terbaru produk dan teknologi untuk audio dan visual sempena dengan pelancaran Viera dan *Revolution 09 Roadshow* Panasonic bermula dari hari Rabu, 25 Mac sehingga hari Ahad, 29 Mac bertempat di Kompleks Membeli-belah Sunway Pyramid dan dibuka untuk orang awam dari 10 pagi hingga 10 malam.

“Plasma terbesar 150 inci dan Neo Plasma Ultra Nipis 50 inci dengan kenipisan 8.8 mm dan Neo Plasma 42 inci dengan kecekapan luminisi tinggi tiga kali ganda akan menjadi tarikan bagi pengunjung buat kali pertama di Malaysia,” kata Tony Endoh, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

Tambahnya lagi, “Sempena dengan *Revolution 09 Roadshow*, pengguna dapat membeli plasma 42 inci pada harga istimewa iaitu RM 3999 dan memperolehi ‘Rack Theatre’ Panasonic secara percuma (harga jualan RM1999). Tawaran lain termasuk pembelian kamera model Lumix dan mendapat hadiah percuma barangan dari Nike, bawcar wang tunai untuk pembelian televisyen LCD, dan hadiah percuma untuk pembelian barangan perkakasan rumah”.

Endoh juga berharap, “Pameran ini dapat menarik perhatian pengunjung untuk melawat disamping mengambil bahagian dalam aktiviti yang telah disediakan dan mendorong pengguna untuk membeli barangan dengan harga yang berpatutan dengan nilai wang. Ini dengan tidak secara langsung dapat meningkatkan taraf ekonomi walaupun pada skala yang kecil.

Pameran ini terbahagi kepada 3 kawasan iaitu ‘Concourse Pyramid’ (Tingkat Bawah Aras 1), ‘Concourse Biru’ (Tingkat Bawah Aras 2) dan ‘Concourse Oren’ (Tingkat Bawah Aras 2) dengan aktiviti dan tarikan yang berlainan turut diadakan pada setiap tempat tersebut

Concourse Pyramid (Tingkat Bawah Aras 1)

Tarikan utama pada aras ini adalah Plasma 150 inci dan Neo Plasma 50 inci dan 42 inci. Aktiviti lain yang terdapat ialah peraduan mengira menara berkembar dan menangi hadiah seperti Plasma Viera dan kamera digital LUMIX.

Concourse Biru (Tingkat Bawah Aras 2)

Di Concourse Biru, Panasonic akan mempamerkan barangan Perkakasan Rumah dan Kesihatan & Kecantikan termasuk sesi solekan dan mengambil gambar secara percuma untuk pengguna yang membeli mana-mana produk Kesihatan & Kecantikan. Demonstrasi produk dan demonstrasi memasak juga akan diadakan. Bagi acara soalan quiz hadiah berupa barangan premium.

Concourse Oren (Tingkat Bawah Aras 2)

Concourse Oren pula mempamerkan kamera Lumix dan kamkoder SD dengan aktiviti utama seperti Pertunjukan Reptilia, Peti Wang Tunai dimana pengguna dapat mengambil sebanyak mana wang tunai di dalam peti tersebut dengan setiap pembelian bernilai RM500, mengambil gambar menggunakan kamera digital Lumix, Acara hiburan, permainan Nintendo dan PS3 yang dimainkan di plasma 42 inci.

Dengan kejayaan pameran bergerak karavan VIERA tahun lepas, Panasonic akan meneruskan serta menyediakan tiga lagi jenis karavan, khas untuk kawasan bandar, luar bandar dan Malaysia Timur.

Karavan untuk kawasan bandar dengan tema 'Digital, Home Entertainment Roadshow' akan dilancarkan di Pusat Membeli-belah Sunway Pyramid dan akan menjelajah bandaraya utama. Sementara karavan untuk kawasan luar bandar dengan tema 'World of Full High Definition Roadshow' akan menjelajah kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia. Karavan untuk Malaysia Timur pula membawa tema 'World of High Definition Roadshow'. Kesemua pameran bergerak karavan akan bermula dari bulan April sehingga September 2009.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media:

Azizah Wahid

Penolong Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan

Tel: 03 7809 7876 Mobil: 019 217 2730

Email: azizah.wahid@my.panasonic.com

###